

# Syed Saddiq terbuka kritikan

## Tun M

UM - 4/9/2020  
m/s: 6

**KUALA LUMPUR:** Bekas Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bersikap terbuka menerima kritikan Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berpendapat parti baharu yang diasaskan oleh bekas Ketua Armada tidak akan berjaya.

Syed Saddiq di laman Twitternya mengucapkan terima kasih kepada bekas perdana menteri itu selepas beliau menyuarakan pendapat mengenai parti yang bakal ditubuhkannya.

“Terima kasih Tun, kami terima kritikan dengan hati terbuka. Parti ini akan dipimpin oleh golongan muda tetapi akan berkhidmat untuk semua rakyat Malaysia.

“Majoriti yang akan memimpin adalah golongan teknokrat, profesional, usahawan, petani moden, pemimpin masyarakat dan sebagainya. Kami muda tetapi kami sayangkan Malaysia,” katanya.

Pada sidang media itu, Dr. Mahathir turut menjelaskan bahawa agenda beliau menubuhkan Pejuang adalah untuk membantu kaum Melayu kerana sebahagian besar golongan miskin adalah Melayu.

Dr. Mahathir tidak yakin dengan kemampuan parti tersebut kerana sokongan orang muda dikatakan tidak memadai untuk berjaya dalam pilihan raya umum akan datang.

“Saya sangat tidak tahu kenapa dia (Syed Saddiq) mahu tubuhkan parti baharu, dia hanya ambil orang muda. Namun, saya rasa ia tidak akan sangat berjaya, tidak cukup untuk menang hanya kerana disebabkan sokongan orang muda,” katanya.